

Mesej Dua

Hayat yang Bercantum

Bacaan Bible: Yoh. 15:1, 4-5; Roma 11:17-24; 1 Kor. 6:17

- I. Sebagai percayawan dalam Kristus, kita harus menjalani kehidupan yang bercantum—kehidupan yang dalamnya kita satu roh dengan Tuan dan hidup dalam penyatuan organik dengan-Nya—1 Kor. 6:17; Yoh. 15:4.**
- II. Bible mewahikan bahawa hubungan yang dihasratkan Tuhan dengan manusia ialah Dia dan manusia menjadi satu—1 Kor. 6:17:**
 - A. Tuhan berhasrat bahawa hayat divin dan hayat insani bergabung bersama menjadi satu hayat—Yoh. 15:1, 4-5.
 - B. Kesatuan ini ialah penyatuan organik, penyatuan dalam hayat—hayat yang bercantum.
 - C. Konsep berkenaan hayat divin dan hayat insani bercantum menjadi satu adalah penuh misteri, melangkaui konsep alamiah, dan asing bagi fikiran manusia.
- III. Dalam pencantuman, dua hayat yang serupa bergabung, kemudian bertumbuh bersama—Roma 11:17-24:**
 - A. Pencantuman berkesan hanya apabila dua hayat yang dicantumkan itu adalah serupa.
 - B. Oleh sebab hayat insani kita dijadikan menurut imej Tuhan dan mengikut rupa Tuhan, maka hayat ini dapat digabungkan kepada hayat divin.
 - C. Hayat insani kita mirip dengan hayat divin; oleh itu, hayat divin dan hayat insani dapat bercantum bersama, kemudian bertumbuh bersama secara organik.
- IV. Untuk kita dicantumkan ke dalam Kristus, Dia harus menempuh proses inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan:**
 - A. Kristus menjadi tubuh daging untuk menjadi benih Daud, ranting Daud, Tunas itu, agar kita dapat bercantum bersama dengan-Nya; Dia menjadi sama seperti kita supaya Dia dan kita dapat bercantum bersama—Yoh. 1:14; Mat. 1:1; Za. 3:8; Yer. 23:5; 33:15.
 - B. Kristus “dipotong” di atas salib agar kita dapat dicantumkan ke dalam-Nya:
 1. Kristus menjadi ranting Daud bukannya bererti Dia dapat bercantum bersama dengan kita.
 2. Pencantuman menuntut pemotongan; dua ranting tidak dapat dicantumkan bersama melainkan kedua-duanya dipotong:
 - a. Kristus dipotong ketika Dia mati di atas salib.
 - b. Kita dipotong ketika kita bertaubat dan menerima Tuan.
 3. Selepas pemotongan dilakukan, penggabungan dan penyatuan organik berlaku; dengan demikian, dalam pencantuman kita ada pemotongan, penggabungan, dan penyatuan organik.
 - C. Setelah Kristus dipotong di atas salib, Dia dibangkitkan menjadi Roh beri-hayat—1 Kor. 15:45b; 2 Kor. 3:17a:
 1. Dengan menjadi Roh yang sedemikian, Kristus sudah pun tersedia untuk pencantuman.
 2. Sebaik sahaja kita bertaubat dan menerima Tuan, Dia sebagai Roh beri-hayat masuk ke dalam roh kita, membawa hayat divin ke dalam kita, dan kita dicantumkan bersama dengan Kristus—Yoh. 20:22; Roma 8:11:
 - a. Hayat ini ialah hayat kematian dan kebangkitan.
 - b. Sebagai Roh beri-hayat, Kristus membawa kunci kematian dan kebangkitan ke dalam kita, yakni percayawan, agar kita dapat mati dan bangkit bersama dengan Kristus—Gal. 2:20.
 - c. Dalam kematian dan kebangkitan ini, kita bercantum bersama dengan Kristus.

V. Sebagai orang yang dilahirkan, kita harus berhidupkan hayat yang bercantum—hayat yang dalamnya kedua-dua pihak bergabung untuk bertumbuh secara organik—Yoh. 15:1, 4-5:

- A. Selepas kita dicantumkan ke dalam Kristus, kita tidak harus hidup melalui diri kita lagi; sebaliknya, kita harus membenarkan Kristus pneumatik hidup dalam kita—Gal. 2:20.
- B. Kita tidak harus hidup melalui tubuh daging kita atau diri alamiah kita; sebaliknya, kita harus hidup melalui roh kita yang dilahirkan, roh yang bercantum dengan Kristus—Roma 8:4.
- C. Menerusi pencantuman ini, kita bersatu dengan-Nya, berbaur dengan-Nya, dan berinkorporasi dengan-Nya untuk menjadi Tubuh Kristus—12:4-5.

VI. Hayat yang bercantum bukan hayat yang bertukar ganti tetapi pembauran hayat insani dengan hayat divin—Gal. 2:20:

- A. Konsep berkenaan hayat yang bertukar ganti ialah kita menyerahkan hayat insani kita kepada Tuan, dan Dia menggantikannya dengan hayat divin-Nya.
- B. Hayat orang Kristian bukan hayat yang bertukar ganti tetapi hayat yang bercantum—pembauran hayat insani dengan hayat divin—Roma 6:3-5; Yoh. 15:1, 4-5:
 - 1. Tidak berlaku pertukargantian, atau pertukaran hayat.
 - 2. Pertukargantian tidak berlaku, sebaliknya hayat divin didisipenkan, diinfusikan ke dalam hayat insani dan hayat divin dibaurkan dengan hayat insani.
- C. Realiti yang paling ajaib dalam pengalaman orang Kristian ialah percayawan dalam Kristus bersatu dengan Kristus dengan cara hayat—1 Kor. 6:17:
 - 1. Apanya Kristus dan segala-gala yang dilakukan-Nya sama sekali adalah untuk satu perkara: Dia dan kita dapat disatukan secara organik dan menjalani kehidupan pencantuman—Yoh. 15:4-5.
 - 2. Dalam pemulihan Tuan, Dia sedang memulihkan perkara yang telah diabaikan ini—hayat yang bercantum.

VII. Dalam hayat yang bercantum, hayat insani bukan disingkirkan tetapi diperkuat, dipertinggi, dan diperkaya oleh hayat divin—Roma 11:17-24:

- A. Dalam hayat yang bercantum, ranting masih mengekalkan ciri-ciri esensialnya yang sama, tetapi hayatnya telah dipertinggi dan ditransform dengan dicantumkan ke dalam hayat yang lebih baik:
 - 1. Hayat yang lebih tinggi menundukkan hayat yang lebih rendah.
 - 2. Hayat yang lebih tinggi memperkaya, mempertinggi, dan mentransform hayat yang lebih rendah.
- B. Dalam hayat yang bercantum, hayat divin bekerja dalam kita untuk menyingkirkan elemen-elemen negatif—2 Kor. 3:18:
 - 1. Hayat divin bekerja secara beransur-ansur untuk menyingkirkan apa-apa sahaja yang alamiah.
 - 2. Elemen negatif dalam disposisi kita dibunuh; kemudian Tuan bukan membuang disposisi kita, tetapi meninggikannya dan menggunakannya.
- C. Dalam hayat yang bercantum, hayat divin membangkitkan penciptaan asal Tuhan—Yoh. 11:25:
 - 1. Tuhan tidak mengetepikan ciptaan-Nya, sebaliknya Dia akan menuntutnya semula.
 - 2. Tuhan berhasrat untuk membawa semua aspek diri kita ke dalam kebangkitan—Flp. 3:11:
 - a. Ketika hayat divin menyingkirkan hal-hal negatif, hayat divin bekerja untuk membangkitkan ciptaan asal Tuhan.
 - b. Dengan cara ini, fungsi-fungsi asal kita—fungsi-fungsi yang diberikan kepada kita semasa penciptaan—dipulihkan, diperkuat, dan diperkaya—Gal. 2:20.

- D. Dalam hayat yang bercantum, hayat divin membekalkan kekayaan Kristus ke bahagian dalaman kita—Roma 12:2:
1. Fakulti-fakulti kita yang dibangkitkan dan dipertinggi telah dibekali dengan kekayaan Kristus.
 2. Menerusi pembekalan sebegini, minda, emosi, dan tekad kita diperbarui.
- E. Dalam hayat yang bercantum, hayat divin menepui seluruh diri kita—8:29-30:
1. Kekayaan Kristus menepui kita dan mentransform kita—12:2; 2 Kor. 3:18.
 2. Melalui penepuan hayat divin ini, kita dikonform kepada imej Kristus—Roma 8:29.